



Headline: Pegawai bank sasaran sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 20 December 2018

Language: Malay
Section: Berita Perdana
Page: 2

Pegawai bank sasaran sindiket Macau Scam

EARLANEK

SIBU: Seorang wanita, 52, yang bekerja sebagai pegawai bank disini tidak terkecuali menjadi sasaran Sindiket Macau Scam, namun dia selamat kerana tidak terpedaya dengan helah penyamar tersebut.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak, Superitendan Mustafa Kamal Ganu Abdullah berkata, suspek yang menyamar sebagai polis menghubungi wanita tersebut menerusi panggilan telefon, kelmarin.

"Pada 18 Disember 2018 (kelmarin), mangsa terima satu panggilan telefon daripada seorang lelaki yang tidak dikenali.

"Lelaki itu memberitahu mangsa berkenaan potongan saman polis sebanyak 50% dan menawarkan diri untuk memeriksa saman beliau.

"Selepas itu, lelaki itu minta nama dan nombor kad pengenalan mangsa, dan beliau telah berikan nama dan nombor kad pengenalannya kepada lelaki itu. Kemudian lelaki itu beritahu mangsa tidak mempunyai saman," katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Katanya, lelaki itu seterusnya memberitahu terdapat satu notis penting kepada mangsa, di mana mangsa dikatakan telah menyewa sebuah kenderaan di Muar dan kenderaan tersebut telah terlibat dalam satu kemalangan langgar lari.

"Mangsa memberitahu lelaki itu dia tidak pernah pergi ke Muar dan mangsa terus menamatkan panggilan telefon kerana bimbang lelaki itu cuba menipu beliau.

"Mangsa membuat laporan peringatan takut nama dan nombor kad pengenalan beliau disalahgunakan oleh lelaki itu," ujarnya.